

SCHOOL HOLIDAY activities 2021

9 JANUARY 2021 - 17 JANUARY 2021 , 2:00 P.M. - 4:00 P.M.



COME LET'S JOIN US IN THE UPCOMING SCHOOL HOLIDAY ACTIVITIES!



Have Fun Baking with Dessert Bear!

BEARY BUTTER COOKIES
SATURDAY, 9 JANUARY 2021
BEARY YUMMY CUPCAKES
SUNDAY, 10 JANUARY 2021



Let's Get Crafty!

3D UNICORN CRAFT
TUESDAY, 12 JANUARY 2021
COLOR SAYING BOX
WEDNESDAY, 13 JANUARY 2021
MINI BATIK CRAFT
THURSDAY, 14 JANUARY 2021



Let's Play Art! with Kelly Fun Art

CARDBOARD PLAY
FRIDAY, 15 JANUARY 2021
COLLAGE MIX AND MATCH
SATURDAY, 16 JANUARY 2021
MAGICAL PENCIL HOLDER
SUNDAY, 17 JANUARY 2021

THERE WILL BE A LIMIT OF 10 PARTICIPANTS FOR EACH SESSION, SO BOOK YOUR SLOTS EARLY!

Orng Soon Foong
ongsof@sarawak.gov.my
082-442000 ext 342

www.pustaka-sarawak.com

pustakaswk

pustaka.sarawak

KHIDMAT MESIN PENSTERILAN BUKU

MIRI - Pustaka Negeri Sarawak, kini menyediakan kemudahan mesin pensterilan buku yang terdapat di bahagian lobi, Pustaka. Selepas setiap peminjaman atau pemulangan buku, para peminjam buku akan melakukan sendiri proses pensterilan buku-buku tersebut sebelum ia dipulangkan ke kaunter.


Mesin pensterilan buku adalah penyelesaian baru dan bermanfaat yang membolehkan anda mensterilkan buku anda dalam masa 30 saat menggunakan lampu UV dengan kadar pembasmian kuman 99.9% terutama dalam situasi wabak Covid-19 yang kini melanda kita secara global. Ia membunuh kuman dan membersihkan buku dari habuk dan sisa-sisa kecil melalui penapis semasa proses pensterilan. Mesin ini meningkatkan kecekapan pembersihan untuk perpustakaan dengan kadar pensterilan adalah 99.99%.

Kaedah putaran dalaman memanjangkan jangka hayat penapis dengan menyekat aliran masuk zarah debu luaran. Ia mempunyai kipas yang kuat untuk menghilangkan debu halus di dalam buku, dan sinar UV mampu sampai ke bahagian dalam buku tersebut. Ini merupakan langkah utama yang diambil oleh Pustaka bagi memastikan buku-buku yang dipinjam dari Pustaka adalah bebas dari virus Covid-19 bagi pengguna-penggunanya. Sekiranya memerlukan maklumat yang lebih lanjut, silalah hubungi pustakawan kami whatsapp di 0115-882-0533 di talian 085-422525, 082-442000 dan 084-315200.

Aktiviti Cuti Sekolah

Kuching - Unit Perkhidmatan Komuniti Pustaka Negeri Sarawak, Kuching telah mengadakan program Aktiviti Cuti Sekolah pada 9 hingga 17 Januari 2021.

Para penonton memberi maklumbalas yang positif terhadap program ini dan berharap ia akan diteruskan walaupun hanya diadakan secara maya melalui laman sosial Pustaka Negeri Sarawak.



VIRTOUR@PUSTAKA
A SELF GUIDED VIRTUAL LIBRARY TOUR

Book Sterilizer Services

Book Sterilizer is a new and helpful solution that allows you to **sterilize your books** within **30 seconds** using **UV Lamps** with **99.9% rate of disinfection**.

Do-It-Yourself

Note :
i. No wet materials.

How to use?
SCAN ME!

Watch video

For further details, kindly contact :
Pustaka Negeri Sarawak, Miri
Jalan Kuching, Miri City Park
93000 Miri, Sarawak. ☎ 085-422 525 📞 011-5882 0533

CERAMAH SEMBANG SABTU

'CABARAN PEMBANGUNAN PEMIMPIN LUAR BANDAR' BERSAMA YB DENNIS NGAU, ADUN N.77



MIRI - Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan kerjasama Persatuan Belia Miri telah berjaya dalam menganjurkan Ceramah Sembang Sabtu secara virtual bertajuk 'Cabaran Pembangunan Pemimpin Luar Bandar' pada hari Sabtu, 30 Januari 2021 melalui saluran Youtube rasmi Pustaka (Saluran Pustaka Sarawak) serta laman facebook rasmi (pustaka.sarawak) pada jam 08:00 malam.

Sembang Sabtu secara virtual ini telah disampaikan oleh tetamu kehormat kita iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri N.77 Telang Usan yang penuh berwibawa dan berkarisma – Yang Berhormat Dennis Ngau. Beliau telah berkongsi pengalaman, pengetahuan serta ilmu dalam sesi ini, di samping berkongsi inisiatif pihak kerajaan dalam membangunkan kawasan luar bandar dan meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar.

Orang ramai telah dijemput untuk menghadiri program ini yang dijalankan secara virtual tentang inisiatif kerajaan dalam memelihara kesejahteraan dan keperluan kehidupan masyarakat di mana kerajaan telah menyelaraskan beberapa projek-projek pembangunan yang kritikal bagi rakyat terutama yang berada di luar bandar. Objektif utama program ini adalah untuk membantu masyarakat umum memahami bahawa agenda utama kerajaan adalah kesejahteraan rakyat dan pentingnya masyarakat memberikan sokongan mereka terhadap inisiatif ini.



CERAMAH KOMUNITI

MENJANA PENDAPATAN MELALUI IKAN LAGA

"BERSAMA BETTAGITA"



PENCERAMAH:
IBRAHIM BIN YUSUF

TARIKH : 28 Januari 2021

MASA : 1 PM

PLATFORM : FACEBOOK DAN YOUTUBE

"PUSTAKA NEGERI SARAWAK"


CERAMAH KOMUNITI

MENJANA PENDAPATAN MELALUI IKAN LAGA

SIBU - Ceramah komuniti kali ini bertemakan perkongsian ilmu dalam bidang kepakaran. Ceramah ini diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu pengetahuan dalam bidang penternakan ikan laga yang kian mendapat sambutan. Ceramah komuniti anjuran Unit Perkhidmatan Perpustakaan Komuniti, pada kali ini bertajuk "Menjana Pendapatan Melalui Ikan Laga" bersama pemilik BettaGita iaitu Encik Ibrahim bin Yusuf. Di dalam video tersebut beliau berkongsi serba sedikit ilmu pengetahuan mengenai ikan laga dan di harap ilmu yang di kongsi oleh beliau di manfaatkan sepenuhnya. Video ini sesuai di tonton pelbagai lapisan masyarakat dan peminat ikan laga yang baru berjinak di dalam pemeliharaan ikan tersebut. Encik Ibrahim juga berkongsi dan menunjukkan proses "breeding" ikan laga.

Pustaka Young Explorer

SIBU - Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bahagian Sibu bermula, Pustaka Negeri Sarawak, Sibu tidak menjalankan sebarang aktiviti fizikal bagi mengekang penularan wabak Covid-19. Namun, Bahagian Perkhidmatan Penglibatan Komuniti, Pustaka Negeri Sarawak, Sibu telah menyediakan pelbagai aktiviti dan program secara atas talian untuk pengguna perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak dalam pelbagai peringkat umur sepanjang bulan Januari hingga Mac 2021.



PUSTAKA'S YOUNG EXPLORER: Little Bunny...

8 views • 4 weeks ago



AESTHETIC SPACE: Doodle Art

5 weeks ago • 75 views

6



Sibu- Resepi Chicken Tortilla Wrap Hai semua! #Dudukrumah dan Jom cuba...

5 weeks ago • 240 views

8



MAKERSPACE: Borneo Doll Makeover (Kumang Saribas)

16 views • 1 week ago



CERAMAH KOMUNITI MENJANA PENDAPATAN...

20 views • 4 weeks ago



BEATSPACE: Cajon Lesson with Mr. Samuel

5 weeks ago • 199 views

14

Objektif bagi program ini diadakan adalah untuk memberi maklumat dan informasi kepada masyarakat khususnya kanak-kanak selaras dengan tagline Pustaka Negeri Sarawak, "Rakan Ilmu Anda", pendedahan kepada matapelajaran STEM dan aktiviti DIY kepada kanak-kanak yang boleh mereka cuba di rumah dengan perkongsian daripada penyampai yang mudah, menjadikan perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu yang tidak hanya menyediakan bahan bacaan, tetapi juga menyediakan perkhidmatan dan aktiviti yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak serta memberi kesedaran kepada kalangan ibu bapa dalam membimbing anak-anak mereka dengan berpandukan ilmu pengetahuan yang dikongsi melalui alam maya.

Penyampai bagi program ini adalah dari kalangan yang berpengalaman dalam menyediakan kandungan program yang bermanfaat bagi kanak-kanak sebagai golongan sasaran.

Antara program yang telah dijalankan adalah seperti Pustaka Young Explorer yang ditayangkan secara maya di platform Pustaka Channel. Program ini dijalankan sepanjang Suku pertama tahun 2021 seiring dengan seruan kerajaan dalam memastikan pengurangan wabak Covid-19 dengan tidak mengadakan aktiviti perhimpunan yang melibatkan banyak orang.

Aktiviti Cuti Sekolah

Kuching - Pustaka Negeri Sarawak Kuching telah mengadakan 8 aktiviti menarik khusus untuk kanak-kanak bagi menarik minat mereka untuk terus mempelajari sesuatu meskipun ketika musim cuti sekolah.

Meskipun diadakan secara maya, Pustaka Negeri Sarawak dengan jayanya telah menarik minat para pengguna dan telah terbukti dengan komen-komen yang positif yang diberikan.



SCHOOL HOLIDAY activities 2021

9 JANUARY 2021 - 17 JANUARY 2021 . 2:00 P.m. - 4:00 P.m.



COME LET'S JOIN US IN THE UPCOMING SCHOOL HOLIDAY ACTIVITIES!



Have Fun Baking with Dessert Bear!

BEARY BUTTER COOKIES
SATURDAY, 9 JANUARY 2021

BEARY YUMMY CUPCAKES
SUNDAY, 10 JANUARY 2021



Let's Get Crafty!

3D UNICORN CRAFT
TUESDAY, 12 JANUARY 2021

COLOR SAVING BOX
WEDNESDAY, 13 JANUARY 2021

MINI BATIK CRAFT
THURSDAY, 14 JANUARY 2021



Let's Play Art! with Kelly Fun Art

CARDBOARD PLAY
FRIDAY, 15 JANUARY 2021

COLLAGE MIX AND MATCH
SATURDAY, 16 JANUARY 2021

MAGICAL PENCIL HOLDER
SUNDAY, 17 JANUARY 2021

THERE WILL BE A LIMIT OF 10 PARTICIPANTS FOR EACH SESSION, SO BOOK YOUR SLOTS EARLY!



Ong Soon Foong
ongsof@sarawak.gov.my
082 - 442000 ext 542



www.pustaka-sarawak.com



pustakaswk



pustaka.sarawak



CERAMAH KOMUNITI KEPENTINGAN 'ONLINE PRESENCE' DALAM PERNIAGAAN



WAN NAJIB BIN WAN HAMDAN
PERUNDING PERNIAGAAN
W.ONE ENTERPRISE

SABTU, 30 JANUARI 2021
11:00 PAGI

FACEBOOK & YOUTUBE
PUSTAKA NEGERI SARAWAK



Ceramah Komuniti: Kepentingan 'Online Presence' dalam perniagaan

Kuching - Ceramah Komuniti mengenai Kepentingan 'Online Presence' dalam perniagaan yang dianjurkan oleh Pustaka Negeri Sarawak Kuching adalah untuk peserta dapat memahami ataupun keperluan pengetahuan dalam menyedari kemampuan internet untuk bisnes atau sesebuah perniagaan.

Tak kiralah sama ada anda seorang ahli perniagaan, profesional, usahawan, peniaga kecil atau ejen jualan beroperasi di rumah atau individu yang berhasrat membina 'visibility' diri untuk pembangunan kerjaya, laman web mempunyai kelebihan yang jauh lebih besar dalam memperkasa reputasi diri, pemasaran dan perniagaan anda.

TRADISI KITA, KHAZANAH KITA

SHOWCASING THE LEGENDARY LATE MR. RAPHAEL SCOTT AHBENG ART EXHIBITION

SARAWAKIANA QUARTERLY EXHIBITION

ARTIST BACKGROUND:
The late Mr. Raphael Scott Ahbeng, a prominent abstract Borneo artist was born in 1959 in Lundu, Sarawak. He was a student of St. Stephen's Bau Primary School and Tenjong Lobang School (now Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang, Miri).

VENUE:
Reference Area, First Floor, Sarawak State Library

DATE:
18th January - 31st March 2021

FREE ENTRANCE

For further information:
Sarawakiana Division, Depository Services Sector

082-440488 | state Depository@sarawak.gov.my
www.pustaka-sarawak.com | pustaka.sarawak | pustakawek

Pameran Sarawakiana

Kuching - Bahagian Sarawakiana, Depositori Rekod Negeri telah mengadakan pameran hasil-hasil karya arwah Encik Raphael Scott Ahbeng di Pustaka Negeri Sarawak Kuching pada 18 Januari 2021 sehingga 31 Mac 2021.

Pameran ini bertujuan bagi menghargai usaha dan kerjasama beliau dalam menghasilkan seni tempatan serta menggalakkan bakat-bakat baru untuk terus mengekalkan serta menceburi bidang seni tempatan.

Artis tempatan kelahiran Lundu, Sarawak ini mampu menterjemahkan perkara semulajadi dalam gambaran sebenar. Beliau seorang yang berazam yang boleh menterjemahkan masyarakat dalam bentuk seni. Hasil seni beliau dapat dilihat mempunyai semua elemen yang didedahkan seperti hutan hujan, pemuliharaan atau warisan.

Pustaka Negeri Sarawak held Chairman's Annual Address 2021

KUCHING - Virtual Annual Chairman's Address 2021 was successfully held via our official Facebook & Pustaka Sarawak Channel YouTube on 18th February 2021.

This year, Pustaka Negeri Sarawak's Annual Chairman's Address was enlivened with a couple of programmes such as Book Launch Ceremony, Introduction to our Depository Services, Discover Our Archives Collection, Showcase of Sarawakiana Festival 2021, Sarawakiana Talks, Online Exhibition and more.

According to our Chairman, "Reading is one of the easiest and convenient way to learn on all aspect of this pandemic including its economic, psychological, health and social impacts. With correct understanding, we would be able to decide wisely on how and what to do in order to minimize the impact or to improve our situation or to help others in need. Merely relying on information shared in the social media may not be enough. Besides, there are a lot of fake information being shared that could mislead us into making wrong decisions. Pustaka is providing authoritative information resources in the form of printed books, e-books, online journals and magazines, and other articles. This year Pustaka will increase information resources, programs, and activities to promote public awareness on sustainability".

VIRTUAL

Chairman's Annual Address 2021

Pustaka Negeri Sarawak
18 FEBRUARY 2021 | THURSDAY
9:00 AM - 5:00 PM

Pustaka Sarawak | pustaka.sarawak

Dayangku Hadzrimah Awangku Ahmad | Norfa Latwy Ismail | Vincent Jinap | Izzuddin Bin Moss
082-440488 ext. 231 | 082-440488 ext. 220 | 082-440488 ext. 214 | 082-440488 ext. 236
dayanhas@sarawak.gov.my | norial2@sarawak.gov.my | vincentj@sarawak.gov.my | izzuddin@sarawak.gov.my

Two publications entitled Records & Archive Management Guidelines for Sarawak State Departmental and Agencies / "Garis Panduan Pengurusan Rekod & Arkib untuk Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak and another of our Sarawakiana series publication, Heritage Matters a local content documentation were also launched.

Acting Chief Executive Officer, Puan Arpah Adenan also commented that "Because of the pandemic many of our plans were disrupted and activities were stalled last year, but we will forge on to get you engaged virtually through our programmes and activities lined up for this year. Indeed, the pandemic has changed the way we work and helped us to innovate our services as well. We have learned how online platform helps us to communicate, share information and collaborate. Our social media and the website have become our mediums of marketing. Therefore, we refuse to let the impact of the pandemic in preventing us to serve you better"

Indeed, Pustaka had proven that this pandemic has changed the way we work and helped us to innovate our services. We have successfully conducted several of our main events and online activities last year by making use of our official Facebook (Pustaka Sarawak) and Pustaka's Youtube channel (pustaka.sarawak).

CERAMAH MOTIVASI SECARA VIRTUAL : PENGALAMAN SEBENAR SEORANG PENGHIDAP KANSER SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA



MIRI – Bersempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia, Pustaka telah berjaya menganjurkan ceramah motivasi dan mengenali secara dekat seorang penghidap kanser yang telah berjaya mengharungi penyakit tersebut, seorang wanita, seorang teman, seorang ibu dan seorang anak perempuan yang penuh kasih sayang dengan harapan dapat memberi motivasi serta inspirasi kepada orang lain mengenai perjalanan beliau yang telah bertahun-tahun lamanya berjuang dengan barah.

Ceramah motivasi ini telah diadakan pada hari Isnin, 15 Mac 2021 di saluran Youtube rasmi dan laman Facebook rasmi Pustaka (pustaka.sarawak) bermula dari jam 10:00 pagi. Puan Noraini Salleh Alision, seorang penghidap barah telah dijemput untuk berkongsi pengalaman hidup beliau dengan para hadirin secara virtual mengenai perkara tersebut.

Ceramah selama dua jam ini memberi penekanan pada sebab, gejala dan rawatan serta untuk memberi motivasi kepada orang ramai bahawa bukan hanya untuk dapat bertahan agar terus hidup, tetapi juga untuk maju ke hadapan dan menjalani kehidupan yang sihat dan lebih indah lagi. Dalam sesi tersebut para peserta mempelajari beberapa petua atau tips motivasi Noraini Salleh dan mendengar kisah-kisah inspirasi beliau dalam sesi tersebut. Para penonton juga telah mengutarakan soalan mereka sewaktu ceramah sedang diadakan.



Bengkel READING SEEDS™
untuk para ibu bapa secara Virtual@Zoom
Sabtu | 30 Januari 2021
10.30 Pagi - 11.30 Pagi

JOM! JANGAN LEPASKAN PELUANG
UNTUK MENDAPATKAN KIT READING
SEEDS UNTUK ANAK-ANAK ANDA.

Penyertaan adalah
PERCUMA
Terhad kepada
20 ORANG PESERTA SAHAJA

Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada ibubapa/penjaga yang mempunyai bayi/anak yang berumur 3 tahun ke bawah yang dilahirkan di hospital/linik kerajaan.
- Wajib membawa **Rekod Kesihatan** bayi/kanak-kanak (0-3 tahun) semasa menuntut kit Reading Seeds selepas PKP.
- Mestilah warganegara Malaysia.

www.pustaka-sarawak.com | pustaka.sarawak | pustakaswk | pustakaswk

BENGGKEL READING SEEDS

Kuching - Pada 30 Januari yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak Kuching telah menganjurkan program Reading Seeds secara maya pada jam 10.30 pagi - 11.30 pagi. Bengkel ini diadakan secara maya oleh kerana Bahagian Kuching masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Untuk pengetahuan, Program Reading Seeds ini merupakan program literasi perkembangan awal kanak-kanak bermula daripada peringkat dalam kandungan ibu sehingga bayi berusia 3 tahun. Program ini juga turut melibatkan peranan ibubapa dalam memupuk budaya membaca kepada anak-anak.

Program ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan kerana ianya baik untuk membentuk generasi yang bijaksana. Selain itu, program ini mampu menjadikan golongan ibu bapa dan kanak-kanak seawal usia ke arah celik huruf dan pembangunan literasi sepanjang hayat mereka.

Yang lebih menariknya, ibubapa juga berpeluang untuk mendapatkan Kit Reading Seeds setelah selesai bengkel ini.



VIRTUAL
Hari Bersama Pelanggan
Pustaka Negeri Sarawak
19 FEBRUARI 2021 | JUMAAT
9:00 PAGI - 5:00 PETANG

PROMOSI

- 1 Keahlian Pustaka!
- 2 Bahan-bahan Terbitan Pustaka Negeri Sarawak
- 3 Pustaka Sarawak Channel
- 4 Perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak & banyak lagi!

[Pustaka Sarawak](#)
[Pustaka Sarawak](#)
[Pustaka Sarawak](#)

Nurashikin Ahmad | Norzihan Abdullah | Jooonimilina Lisen
 082-442000 samb.412 | 082-442000 samb.410 | 082-442000 samb.411
 nuras2@sarawak.gov.my | norzihan@sarawak.gov.my | jooonimilina@sarawak.gov.my

Hari Bersama Pelanggan

Kuching - Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bertempat di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching pada 19 Februari 2021 dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak wilayah Miri dan Sibul.

Sehubungan dengan itu, pelbagai program yang turut diadakan antaranya keahlian Pustaka Negeri Sarawak secara percuma dan penjualan bahan-bahan terbitan Pustaka Negeri Sarawak.

HOBBIES, COLLECTIONS & ARTS EXHIBITION

20-21 February 2021

organized by
Pustaka Negeri Sarawak, Miri
in collaboration with

PROGRAMME

LIVE STREAMING

- 1. Mini-Con Talks**
by 4 invited well-known local hobbyist
Time schedule : 11:00am and 2:00pm
- 2. PUBG Tournament**
Sunday, 21/02/2021 | Final Game 1:00pm
Host by : Ghost13
- 3. Virtual Cosplay Competition**
Vote will be based on Most 'Like' at our Pustaka Facebook
From 20th until 21st February 2021 | Vote closing at 5:00pm

Who Should Join ?
Public
Hobbyist Community
Members of Pustaka

In-house EXHIBITION

Mini-Con Exhibition
Ground floor | 20-21 February 2021
10:00am - 5:00pm

Diorama Contest
Theme : Magical Alley 'Book Nook'
(Submission date: 15/2/2021)

Talk to us!
Muhd. Anwar | Suzanna Abdullah
Community Engagement Service Division
085-422525 ext : 209 | 215
email : cesd.pm@gmail.com

****Adherence to SOP is strictly advised. 5 persons per-entry at one time**

pustaka.sarawak.com | pustaka.sarawak | pustakasw | pustakazw
#MalaysiaReads #SarawakReads #Pustaka2021 #Pustaka #readinnovateexcel #Bacarekacemerlang

MIRI – Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah bekerjasama dengan Chef X Station, Ghost13 PUBG Umpire, penceramah serta peserta pameran yang dijemput untuk menganjurkan Pameran Hobbies, Collection & Arts yang keenam pada 20 hingga 21 Februari 2021.

Pameran ini bertujuan untuk mempromosikan kreativiti dan kemahiran berfikir kepada generasi muda dengan menunjukkan cara

Pameran Hobbies, Collection & Arts 6.0 julung kali secara virtual tahun ini!

bagaimana mengembang dan mengekalkan hobi minat khas, mengumpul dan berniaga item yang bernilai, permainan inovatif atau belajar kemahiran baru. Pameran koleksi khas tersebut telah dibuka kepada orang ramai terutama bagi mereka yang gemar koleksi seperti ini. Pameran Hobbies ini telah memberi ruang untuk berinteraksi dengan para peserta pameran dan orang ramai dapat bertukar pengetahuan antara satu sama lain jika mereka ingin meneruskan hobi seperti ini. Kemasukan pada hari tersebut hanya terhad kepada lima (5) orang sahaja pada satu masa dan ia adalah PERCUMA kerana bagi mematuhi prosidur SOP Pustaka yang telah ditetapkan. Ceramah secara langsung atau 'live streaming' dari penceramah jemputan telah diadakan melalui media sosial Pustaka pada 20 dan 21 Februari dari 11 pagi - 2 petang. Terdapat pertandingan Virtual Cosplay, Pertandingan Diorama, PUBG Mobile dan banyak lagi telah diadakan pada hari tersebut.

CERAMAH SEMBANG SABTU:

'Cabaran Pembangunan BELIA DI ERA PANDEMIK COVID-19'

BERSAMA

YB DATUK SEBASTIAN TING CHIEW YEW,
ADUN N.73 PIASAU

LIVE

SEMANG SABTU

INSPIRASI BELIA
Cabaran Pembangunan Bella
Di Era Pandemi COVID - 19

SABTU | 2021
08:00 malam

YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
Menteri Muda Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian
ADUN N.73 Piasau

MatLetop PRODUCTION

PBM

恭喜發財

MIRI – Pustaka Negeri Sarawak, Miri dengan kerjasama Persatuan Belia Miri telah berjaya menganjurkan Ceramah Sembang Sabtu secara virtual bertajuk 'Cabaran Pembangunan Belia di Era Pandemi Covid-19' pada hari Sabtu, 6 Februari 2021 melalui saluran Youtube rasmi Pustaka (Saluran Pustaka Sarawak) serta laman facebook rasmi (pustaka.sarawak) pada jam 08:00 malam.


Sembang Sabtu secara virtual ini telah disampaikan oleh tetamu kehormat kita iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri N.73 Piasau yang penuh berwibawa dan berkarisma – Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew. Beliau telah berkongsi pengalaman,

pengetahuan serta ilmu dalam sesi ini, di samping berkongsi inisiatif pihak kerajaan dalam membantu belia dalam era pandemik Covid-19 yang sedang melanda kita secara global.

Orang ramai telah menghadiri program ini secara virtual dan objektif utama program ini adalah untuk membantu masyarakat umum memahami agenda kerajaan dalam membantu membangunkan para belia dalam menjana pendapatan, memulakan perniagaan serta dapat melaksanakan projek kecil-kecilan agar dapat membantu mereka ke tahap kelangsungan hidup yang lebih stabil.

Program Literasi anjuaran Pustaka Negeri Sarawak, Sibul

Sibu - Literasi Maklumat adalah salah satu perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak untuk memberi pendedahan dan cara untuk mencari maklumat bagi memenuhi keperluan ahli-ahlinya, di mana kemahiran tersebut penting untuk keperluan semasa dalam menyokong proses pembelajaran sepanjang hayat, sama ada secara fizikal atau atas talian.




e-Literasi (Pustaka Channel)

Pada suku pertama 2021, sebanyak 3 program e-literasi telah diadakan melalui platform Pustaka Channel. Pertama, Panduan Penggunaan Sumber Elektronik: CAB eBooks pada 6 Januari 2021 dengan sejumlah 114 tontonan. Kedua, Panduan Pencarian, Peminjaman dan Pemulangan Bahan Perpustakaan dengan sejumlah 203 tontonan pada 3 Februari 2021. Ketiga, ePelancongan pada 3 Mac 2021 dengan sejumlah 256 tontonan.



BookTalk (Youtube Channel)

Book Talk adalah salah satu inisiatif dalam penggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat di mana staf Pustaka Negeri Sarawak akan mempromosikan buku-buku Pustaka untuk pengguna membaca. Pada suku pertama 2021, sebanyak 3 video 'book talk' telah diadakan melalui platform Pustaka Channel. Pertama, 'The Most Influential Women of Our Time' pada 3 Januari 2021 dengan sejumlah 126 tontonan. Kedua, 'Resepi Diet Sihat' dengan sejumlah 272 tontonan pada 7 Februari 2021. Ketiga, 'Membongkar Misteri: Tamadun Dunia Yang Hilang' pada 7 Mac 2021 dengan sejumlah 249 tontonan.



Terbitan Terkini Siri Sarawakiana PUSTAKA

MIRI – Pustaka Negeri Sarawak telah mengeluarkan terbitan Sarawakiana terkininya yang berjudul 'Heritage Matters: Local Content Documentation'.

Kandungan buku tersebut adalah modul-modul yang telah digunakan untuk mengajar penyelidik muda; - pelajar sekolah menengah yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Warisan Budaya Tempatan (PWBT) atau pertandingan kandungan tempatan. Pertandingan ini adalah acara tahunan, yang telah dimulakan dari tahun 2008 untuk semua pelajar sekolah menengah di sekolah-sekolah Wilayah Utara dan kini berkembang ke Wilayah Tengah dan Selatan Sarawak.

Pertandingan ini bertujuan untuk membuat dan memperkayakan kandungan tempatan di samping

membimbing pelajar untuk menjadi penyelidik yang cekap. Modul-modul tersebut dibuat oleh sekumpulan jawatankuasa PWBT yang penuh dedikasi dan disunting oleh Dr Nor Edzan Che Nasir, mantan Ketua Pustakawan, Universiti Malaya. Buku ini mempunyai sekitar 200 halaman mukasurat dengan lapan (8) modul yang pada dasarnya mengajar mengenai literasi maklumat hingga ke penulisan hasil penyelidikan. Buku tersebut juga mengandungi modul pembelajaran tentang sejarah serta penyampaian secara lisan, persembahan poster, penghasilan video, dan cara penyimpanan data. Walaupun buku ini berasal dari PWBT, modulnya adalah umum dan dapat digunakan oleh semua lapisan masyarakat atau individu sama ada yang berbekalkan pengetahuan atau tanpa pengetahuan langsung mengenai literasi maklumat serta ilmu dalam melakukan penyelidikan.

Harga jualan buku tersebut adalah amat berpatutan iaitu sejumlah RM150 senaskah dan boleh diperolehi dari Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan Pustaka Negeri Sarawak, Kuching. Objektif penerbitan seumpama ini adalah untuk memelihara budaya dan warisan yang unik dari pelbagai etnik Sarawak serta untuk menjadi sumber intelektual yang kaya dan koheren bagi membantu memupuk penyelidikan tentang warisan budaya Sarawak. Sekiranya anda berminat untuk menghasilkan karya terbitan bersama Pustaka atau ingin membeli koleksi tersebut, sila berhubung terus dengan pustakawan kami Lilian Baun Pulo di talian 6 085 4222525.

HARI BERSAMA PELANGGAN SECARA MAYA, PUSTAKA SIBU

Sibu – Bersempena dengan Majlis 'Chairman's Annual Address' yang diadakan pada tahun ini Bahagian Pengurusan Korporat, Pustaka Sibu telah mengambil bahagian dengan mengadakan Hari Bersama Pelanggan secara maya (atas talian) melalui Facebook rasmi Pustaka Negeri Sarawak.

Program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 19 Februari 2021, dengan kerjasama bersama team Komunikasi Korporat Pustaka Negeri Sarawak Kuching dan Miri.

Hari Bersama Pelanggan diadakan sebagai platform untuk berkomunikasi bersama pengguna disamping bagi memberi maklumat yang tepat mengenai perkhidmatan yang ditawarkan di Pustaka Negeri Sarawak. Selain itu, Hari Bersama Pelanggan juga diadakan untuk mengumpul dan memperoleh maklumbalas pelanggan sebagai input untuk perancangan dan penilaian perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak.

Majlis Chairman's Annual Address merupakan acara yang diadakan setiap tahun ini bertujuan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan di Pustaka Negeri Sarawak dengan menggunakan pelbagai strategi promosi secara kreatif dan inovatif. Pustaka Negeri Sarawak juga menyediakan kemudahan yang relevan seiring dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi.

Sebanyak 5 buah video ditayangkan pada hari tersebut dengan lebih 20 tontonan. Video-video yang ditayangkan adalah:

e-Literasi:
Panduan
Pencarian,
Peminjaman,
dan Pemulangan
Bahan
Perpustakaan



Knowledge
Camp 2019
@ SMK Agama
Sibu

Program
Bacaan Bersama
Pemimpin
Sarawak 2019
@Dalat



Permulaan
Perkhidmatan
Pustaka Negeri
Sarawak Sibu

Majlis Perasmian
Pustaka Negeri
Sarawak, Sibu



AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PERKHIDMATAN DEPOSITORI, PUSTAKA NEGERI SARAWAK SIBU

SIBU - Bahagian Perkhidmatan Depositori adalah sebuah bahagian yang baharu di Pustaka Negeri Sarawak Sibu bermula pada Januari 2021. Bahagian Perkhidmatan Depositori ini dibahagikan kepada dua unit, iaitu Unit Sarawakiana dan juga Unit Pengurusan Rekod dan Arkib.


Sebelum ini, Unit Sarawakiana ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Teknikal bersama-sama Unit Perolehan dan Unit Pengkatalogan. Namun, dengan wujudnya Bahagian Perkhidmatan Depositori ini, Unit Sarawakiana telah ditempatkan bersama dengan Unit Pengurusan Rekod dan Arkib, yang juga merupakan unit baharu di Pustaka Negeri Sarawak Sibu ini.

Unit Sarawakiana berperanan untuk mempromosikan, mempamerkan dan menaikkan keunikan adat dan kebudayaan yang ada di Negeri Sarawak. Antara aktiviti Unit Sarawakiana adalah terdiri daripada Bengkel, Pameran, Ceramah Sarawakiana, Sejarah Lisan dan Penerbitan Buku yang dihasilkan oleh individu-individu yang berasal dari Sarawak. Lazimnya, topik-topik yang dipilih adalah bertujuan untuk memelihara kebudayaan yang masih dipraktikkan oleh rakyat Sarawak.

Manakala Unit Pengurusan Rekod dan Arkib di Pustaka Negeri Sarawak Sibu merupakan sebuah unit yang berperanan untuk memastikan jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Sarawak mengurus, mengekal, memelihara, dan menyimpan rekod dengan baik berdasarkan Seksyen 14(1) (d), Sarawak State Library Ordinance, 1999 dengan memberi khidmat nasihat dan garis panduan mengenai pengurusan rekod samada aktif dan tidak aktif, sesi literasi seperti penggunaan ARMS, dan juga membantu mendapatkan rekod kerajaan yang berada dalam simpanan individu khususnya di Wilayah Tengah Sarawak. Selain itu, unit ini turut membantu dalam pelaksanaan Bahagian Pengurusan Rekod dan Bahagian Pengurusan Arkib dari Rekod Repositori Negeri (SRR) sewaktu

program jerayawara berlangsung.

Satu aktiviti telah dilaksanakan di bawah Unit Sarawakiana pada 26 Mac yang lalu iaitu Ceramah Sarawakiana yang bertajuk Ngepan Batang Rajang, bersama dua penceramah ; Encik Rapheal anak John Tagun dan Encik Sandine Bennidect. Para penceramah merupakan individu yang mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang Ngepan Batang Rajang atau dikenali sebagai "Baju Ujan" dalam Bahasa Iban. Encik Rapheal John merupakan seorang guru Pendidikan Seni Visual di sebuah sekolah menengah di Kuching, dan mempunyai penulisan ilmiah tentang Ngepan Batang Rajang. Manakala Encik Sandine Bennidect merupakan pengumpul barangan antik dan mempunyai beberapa koleksi pakaian antik kaum Dayak. Ceramah ini telah berlangsung secara atas talian melalui aplikasi Facebook Live dimana slaid telah disediakan dan sesi soal jawab juga diadakan bagi memudahkan penonton berinteraksi kepada para penceramah.



Untuk Unit Pengurusan Rekod dan Arkib pula, antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang awal tahun 2021 ini adalah Sesi Literasi Penggunaan Archival Records Management System (ARMS). Sesi Literasi ARMS adalah salah satu inisiatif pihak Pustaka Negeri Sarawak untuk berkongsi cara penggunaan sistem ini khususnya kepada Pegawai Rekod Jabatan dan Pegawai Seranta Jabatan di Negeri Sarawak.

ARMS adalah aplikasi berasaskan web yang mengandungi maklumat berkaitan rekod/fail dan berfungsi membantu pengguna untuk mengenalpasti dan mencari rekod/fail yang terdapat di dalam koleksi Pustaka Negeri Sarawak. Sistem ini juga akan digunakan untuk membuat permohonan pemindahan rekod/fail ke Repositori Rekod Negeri dan pelupusan rekod/fail oleh jabatan dan agensi kerajaan Negeri Sarawak.

Pada 23 Februari yang lalu, seramai 15 orang pegawai dari Pustaka Negeri Sarawak, Sibul telah menghadiri Sesi Literasi Penggunaan Archival Records Management System (ARMS) secara atas talian melalui aplikasi Microsoft Teams, dibantu oleh Cik Nur Amanina Mastani, Pustakawan sebagai fasilitator pada sesi tersebut.


WAKTU OPERASI

Kaunter perkhidmatan rujukan, SRR beroperasi dari jam **8:30 pagi** hingga **4:30 petang** setiap hari **kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum**.

Berdasarkan kepada situasi semasa Covid-19:

1. Pengguna digalakkan untuk menggunakan **Archival Records Management System (ARMS)** untuk membuat rujukan.
2. **Temu janji rujukan** di SRR **HANYA** untuk **jabatan/agensi Kerajaan Negeri Sarawak** sahaja kerana rekod/fail yang dirujuk tersebut diperlukan untuk urusan rasmi jabatan/agensi.

Selain itu, sesi literasi ini juga turut diadakan secara atas talian pada 16 dan 17 Mac 2021 dan telah disertai oleh 15 orang pegawai rekod jabatan dan pegawai seranta jabatan dari pejabat-pejabat residen di Wilayah Tengah Negeri Sarawak.



Sesi Literasi Atas Talian : Penggunaan Archival Records Management System (ARMS) ini juga akan berterusan sepanjang tahun 2021 ini untuk memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai rekod dan pegawai-pegawai seranta di jabatan kerajaan dan agensi Negeri Sarawak.

PENGENALAN UNTUK BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL PUSTAKA NEGERI SARAWAK, SIBU

Sibu - Sektor Perkhidmatan Perpustakaan mempunyai beberapa bahagian yang amat penting dan salah satunya ialah Bahagian Perkhidmatan Teknikal. Bahagian Perkhidmatan Teknikal ini juga bukan sahaja terdapat di Kampus Induk iaitu Pustaka Negeri Sarawak, Kuching, malah juga terdapat di wilayah tengah seperti Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibu dan Wilayah Utara iaitu Pustaka Negeri Sarawak Kampus Miri.

Seperti yang diketahui fungsi utama Bahagian Perkhidmatan Teknikal Pustaka Negeri Sarawak, Kampus Sibu adalah berperanan untuk menyediakan semua kategori koleksi bahan-bahan perpustakaan untuk para pengguna. Antara peranan penting Bahagian Perkhidmatan Teknikal juga adalah bertanggungjawab dalam menyediakan bahan-bahan perpustakaan yang luas dan relevan serta seiring dengan dasar, misi dan objektif Pustaka Negeri Sarawak dalam memenuhi keperluan penyaluran maklumat, pendidikan, budaya dan rekreasi para pengguna.

Umum mengetahui bahawa Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibu memulakan perkhidmatan pada 14 September 2020. Oleh yang demikian, seperti bahagian lain juga Bahagian Perkhidmatan Teknikal Kampus Sibu ini juga masih baru dan di ketuai oleh Cik Nur Faziella Syazmeen Binti Hasli (Pustakawan, S44).

Untuk makluman, Bahagian Perkhidmatan Teknikal mempunyai dua Unit iaitu Unit Perolehan (Acquisition Unit) dan Unit Pengkatalogan (Cataloguing Unit). Setiap unit ini masing-masing mempunyai matlamat, fungsi dan tanggungjawabnya yang tersendiri.



Gambar : Kakitangan Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Pustaka Negeri Sarawak Sibu
Dari Kiri ke kanan : Nur Faziella Syazmeen (Ketua Bahagian Perkhidmatan Teknikal), Shahrieza (Penolong Pustakawan, S29), Mohd Safwan Hanif (Pembantu Pustakawan, S19), Tan Al-Afiq (Pembantu Pustakawan, S19), Nur Syahida (Pembantu Pustakawan, S19), Bibiana Nain (Pembantu Pustakawan, S19) dan Mohd Feizul (Penolong Pustakawan, S29)

Unit Perolehan (Acquisition Unit) Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibu, diketuai oleh Puan Shahrieza Rabaie sebagai Penolong Pustakawan, S29 dan di bantu oleh dua orang Pembantu Pustakawan, S19 iaitu En. Tan Al-Afiq Tan Smilly dan Cik Nur Syahida Ispawi.

Fungsi utama Unit Perolehan ialah mengekalkan dan mengemaskini Dasar Koleksi untuk memastikan kesesuaian pengguna. Selain itu, Unit Perolehan juga bertanggungjawab dalam Menganalisis, Memilih, Memperolehi dan Melanggan seperti pembatalan atau pembaharuan bahan berdasarkan Dasar Pembangunan Koleksi Pustaka Negeri Sarawak. Di samping itu, Unit Perolehan juga bertanggungjawab dalam mengatur strategi pembangunan koleksi Pustaka Negeri Sarawak, Kampus Sibu. Seterusnya, Unit ini juga bertanggungjawab dalam pemilihan dan pembelian bahan-bahan perpustakaan yang terbaik dan berkualiti samada yang terkini untuk tatapan para pengguna Pustaka terutamanya di bahagian Sibu.

Antara fokus utama Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibu adalah seperti pemerolehan bahan-bahan umum, pemerolehan bahan-bahan yang mengandungi

maklumat tempatan. pemerolehan bahan-bahan daripada program / aktiviti Hadiah & Pertukaran. pemerolehan bahan-bahan daripada sumber elektronik dan juga pemerolehan bahan-bahan terbitan bersiri. Selanjutnya menggalakkan input dan permintaan dari para pengguna untuk memenuhi permintaan dan kriteria yang mereka kehendaki untuk tujuan penambahan ke dalam koleksi Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibü.

Antara aktiviti utama Unit Perolehan ialah Pemilihan bahan-bahan perpustakaan adalah seperti Pemilihan, Pembelian Penerimaan dan juga Pemprosesan bahan-bahan perpustakaan. Pemilihan bahan-bahan yang bersesuaian dan relevan untuk para pengguna sememangnya fokus utama untuk unit ini. Untuk pembelian bahan, kebanyakan bahan yang dibeli adalah seperti buku, majalah, jurnal dan juga Jurnal Atas talian (Online Jurnal), selain itu Unit Perolehan juga menerima sebarang permintaan daripada pihak pengguna jika mereka ingin mencari judul dan tajuk buku yang tidak terdapat di Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibü.

Untuk proses Penerimaan pula ia adalah proses penerimaan bahan daripada Pembekal (*Supplier*). Penghantaran bahan-bahan perpustakaan ini dihantar melalui Pos dan juga melalui Kargo kerana semua pembekal (*Supplier*) berada di Kuching.

Antara tujuan lain Unit Perolehan adalah pemprosesan bahan-bahan perpustakaan. Proses ini dilakukan seperti melekat Kod Bar (*Barcode*), meletakkan tarikh atau mengecop tarikh penerimaan, Meterai Logo Pustaka (Seal) pada bahagian - bahagian bahan dan juga menyediakan Borang Pemprosesan Bahan (*MPF Form*). Selain itu, Unit Perolehan juga bertanggungjawab dalam penerimaan buku Derma (*Donation*) dan juga Hadiah dan Pertukaran (*Gift and Exchange*) daripada pihak persendirian dan juga daripada pihak kerajaan.

Selepas semua proses ini selesai, seterusnya akan di serahkan kepada Unit Pengkatalogan.

Unit Pengkatalogan (*Cataloguing Unit*) Pustaka Negeri Sarawak Kampus Sibü, diketui oleh En. Mohd Feizul Median sebagai Penolong Pustakawan, S29 dan di bantu oleh dua org Pembantu Pustakawan S19 iaitu En. Mohd Safwan Hanif Osman dan Puan Bibiana Nain Ugop.


Fungsi utama untuk Unit Pengkatalogan ialah menggunakan metodologi yang sesuai dan terkini untuk pengumpulan, penyimpanan dan pengambilan semula termasuk, dan pemprosesan bahan perpustakaan. Selain itu, Unit Pengkatalogan juga bertanggungjawab mengkalatog dan mengklasifikasikan bahan-bahan bercetak dan tidak bercetak menggunakan standard pemprosesan bahan yang diguna sama oleh setiap kampus Pustaka iaitu Resouce Description and Access (*RDA*)., perkara tajuk Library of Congress, local subject heading, MARC21 dan Dewey Decimal Classification. Selain itu juga, antara Fungsi utama Unit Pengkatalogan juga adalah memastikan bahawa Online Public Access Catalog (*OPAC*) menyediakan akses yang menyeluruh dan sedia ada untuk koleksi perpustakaan. Selain menguruskan buku - buku baru, Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan bahan-bahan perpustakaan untuk dibaikpulih jika terdapat bahan - bahan terutamanya seperti buku, jurnal dan majalah yang telah rosak.



Proses meletakkan Kod Bar (*Barcode*) dan membuat Nombor Panggilan (*Call Number*)

Aktiviti utama Unit Pengkatalogan (Cataloguing Unit) adalah Mengkatalog bahan dengan merujuk kepada Resouce Description and Access (RDA), dan proses Mengkatalog ini juga dibuat menggunakan sistem yang digunakan oleh Pustaka iaitu sistem Angka.sa2.

Unit Pengkatalogan juga bertujuan memproses bahan yang sudah dikatalog tadi dengan meletakkan Kod Bar (Barcode) dan Nombor Panggilan (Call Number). Selepas selesai kedua - dua proses tersebut proses terakhir adalah meletakkan Pelekat Pengenalan Frekuensi Radio (RFID sticker) di bahagian belakang kulit buku. Jikalau terdapat buku yang mempunyai dua kulit buku, buku tersebut hendaklah di jaket (Jacketing) supaya kulit luar tersebut tidak rosak. Selepas buku tersebut selesai melalui proses - proses ini, buku tersebut akan diserahkan kepada Bahagian Perkhidmatan Maklumat untuk diletakkan di rak buku untuk kegunaan dan pinjaman para pengguna.



Proses Meletakkan Pelekat Pengenalan Frekuensi Radio (RFID sticker)

Ceramah 'The Importance of Mastering English Language'

29 MARCH 2021
10.00 A.M
FACEBOOK & YOUTUBE PUSTAKA NEGERI SARAWAK

WIN RM30 GRAB FOOD VOUCHER!!
LIMITED TO 10 PERSON ONLY
DON'T FORGET TO ANSWER THE QUIZZES

SHARING SESSION WITH 'CIKGU JIA'

pustaka-sarawak | pustaka.sarawak | pustakaswk | pustakasarawak

Sibu - Pada 29 Mac 2021, ceramah yang bertajuk 'The Importance of Mastering English Language' oleh Cikgu Ho Jia Yiing telah diadakan melalui platform Facebook dan Youtube Pustaka Negeri Sarawak. Perkongsian kali ini bertujuan menekankan pentingnya masyarakat belajar dan menguasai Bahasa Inggeris. Di dalam video tersebut, Cikgu Jia akan berkongsi tips bagaimana beliau menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Inggeris dengan lebih mudah dan seronok. Diharap perkongsian ilmu kali ini akan membantu penonton lebih memahami dan menarik minat dalam mempelajari bahasa Inggeris.